

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI bilakah Kerajaan akan menggubal Undang-undang Hak untuk Maklumat (*Right to Information*) sebagai salah satu langkah untuk membasmi rasuah. Apakah tahap perbincangan mengenai *RTI* di dalam Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang Hak untuk Maklumat (*Right to Information*) mempunyai persamaan dengan Akta Kebebasan Maklumat (*Freedom of Information Act*). Kedua-dua undang-undang ini mempunyai matlamat untuk menzahirkan maklumat Kerajaan bagi tujuan kegunaan awam dan individu dengan hak akses yang munasabah sepertimana yang telah diguna pakai di beberapa buah negara sebagai contoh *Right to Information Act 2005* di India, *Freedom of Information Act 1966* di Amerika Syarikat, *Freedom of Information Act 1982* di Australia dan *Freedom of Information Act 2000* di United Kingdom.

Cadangan berkaitan penggubalan Undang-undang Hak untuk Maklumat (*Right to Information*) untuk dilaksanakan di seluruh Negara sebagai salah satu langkah untuk membasmi rasuah memerlukan kajian teliti dan mendalam terhadap beberapa aspek terutamanya kesan dan risiko kepada Negara melibatkan keselamatan, pertahanan, perdagangan/ekonomi, pembangunan, sosio budaya, politik serantau dan hubungan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Malaysia telah mempunyai Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang berupaya membanteras gejala rasuah di sektor awam dan swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah pun mempunyai Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Akta ini membenarkan individu memiliki akses kepada maklumat Kerajaan dengan cara yang sah dan